

0000250889

# Remaja: Elakkan Keruntuhan Akhlak

*Manfaatkan masa remaja dengan kegiatan yang berfaedah agar anda tidak kecewa pada masa hadapan.*



**M**ASALAH keruntuhan akhlak di kalangan remaja atau pelajar bukan perkara baru. Hal ini pernah dibincangkan secara berlarutan di media massa, di kalangan pendidikan, tokoh pendidik, dan anggota masyarakat. Bagaimanapun, cara mengatasinya sukar dijelaskan kerana keruntuhan akhlak ini banyak bergantung kepada didikan di rumah, di sekolah, dan bagaimana remaja memilih gaya hidup mereka.

Perhatian serius serta sikap prihatin masyarakat mestilah dilakukan bagi mengawalinya agar tidak terus merebak

menjadi gejala sosial yang boleh merosakkan akhlak generasi muda hari ini dan akan datang.

Kajian mendapati, banyak pengaruh yang boleh mendorong kepada keruntuhan akhlak. Pertama, kekuatan iman dan dalaman seseorang itu memainkan peranan ke arah pembentukan akhlak. Kedua, pengaruh media massa yang banyak berbentuk hiburan dan budaya barat. Ketiga, rakan sebaya yang kerap kali salah pilih oleh pelajar atau remaja menyebabkan mereka terjerumus ke kancah maksiat.

Banyak pengaruh lain yang menyebabkan keruntuhan akhlak, antara

pengaruh sosioekonomi dan taraf hidup dan faktor kemanusiaan remaja itu sendiri. Faktor-faktor ini menyumbang ke arah keruntuhan akhlak yang tanpa kawalan boleh melakukan jenayah berat.

Tokoh falsafah Barat, Aristotle pernah berkata, "Peribadi yang baik memelihara kita daripada melakukan perbuatan yang keji, kelebihan orang yang berilmu daripada orang yang jahil seperti kelebihan orang hidup daripada orang mati."

Jelaslah bahawa, peribadi dan didikan yang baik akan membuahkan remaja yang berilmu dan berdisiplin dan tidak mudah terpengaruh dengan pengaruh liar

bidang tertentu.

- Hargai diri anda, umur anda, masa terluang anda, wang ringgit anda, dan tubuh badan anda ke arah manfaat untuk keluarga, agama, bangsa, dan negara. Jika anda sayang kepada diri anda, anda akan terselamat daripada faktor-faktor yang boleh mempengaruhi ke arah melakukan jenayah seperti di bawah:

#### **Antara Faktor-faktor Berpengaruh Termasuk:**

- Tayangan filem ganas, lucah, dan tahayul
- Pusat hiburan yang bercirikan maksiat, arak, dan seks menjadi daya tarikan.
- Iklan rokok dan minuman keras yang sensasi.
- Kegiatan dadah yang sentiasa menjadi mangsa pengguna untuk tujuan meluaskan permintaan dan pasaran.

#### **Faktor-faktor Kemanusiaan:**

- Kecacatan otak, kurang siuman, dan hilang daya ingatan.
- Hubungan dengan teman lelaki/wanita tidak diresmi oleh keluarga.
- Rasa kecewa atau malu akibat kegagalan dalam cita-cita atau peperiksaan.
- Tidak tahan dengan kerenah dan harapan yang terlalu tinggi daripada ibu bapa.
- Pertelingkahan antara anak dan ibu bapa.
- Hubungan buruk dengan ibu bapa

## **Kata-kata Perangang**

Budaya hidup kita ialah jati diri bangsa kita. Jadikan hari ini sebagai permulaan dan hari esok sebagai penentuan hidup anda. Orang yang berjaya dengan cemerlang dalam hidupnya ialah orang yang tidak pernah memikirkan kegagalan. Remaja hari ini ialah pemimpin masa depan.

#### **Imam Syafie pernah berpesan:**

Berfikir cermat bererti selamat. Memilih kata-kata yang baik dan pantas termasuk budi pekerti. Peti ilmu itu dada, peti perkataan di lidah, peti fikiran di akal, peti bodoh itu jahil. Orang yang tidak menyukai ilmu tidak ada kebaikan kepadanya.

#### **Inayat Khan pernah berkata:**

Menguasai diri ialah anak kunci kepada segala kemajuan dan kebahagiaan. Peradaban harus membebaskan manusia dan membantunya mendidik keseluruhan peribadinya. Peradaban juga harus memberi kekuatan kepadanya, memegang teguh kemahuannya kerana manusia ialah satu-satunya makhluk yang mempunyai kemahuan.

#### **Imam Al Ghazali pernah menegaskan:**

Jika anda berada dalam majlis jamuan hendaklah menjaga perangai, di rumah orang menjaga mata, dalam solat menjaga hati, kalau sendiri menjaga fikiran, dan dalam pergaulan menjaga lidah.



*Bakat yang ada dalam diri remaja tidak seharusnya disia-siakan. Mana tahu anda mungkin berjaya jika bersungguh-sungguh mendalami bidang yang diminati.*

terutama jika berlaku penceraian.

- Bosan berada di rumah dan berminat untuk melakukan sesuatu yang lebih berani tetapi dihalang oleh keluarga.
- Trauma berikutan tekanan emosi akibat perbuatan berunsur seks yang dilakukan oleh ahli keluarga sendiri, contohnya bapa dan abang tiri atau kemungkinan saudara kandung sendiri.
- Trauma berikutan tekanan emosi akibat penderaan yang dilakukan oleh ibu bapa atau keluarga.

#### **Faktor-faktor Sosioekonomi:**

- Kepincangan ekonomi rumah tangga boleh menjejaskan keharmonian keluarga. Perasaan marah cepat timbul dan ini menyebabkan pertengkaran. Remaja yang tertekad dan tersepit kemungkinan memilih kegiatan jenayah

sebagai jalan keluar.

- Remaja yang bekerja dan kemudiannya diberhentikan akan rasa malu dan tertekan kerana perlu menyara keluarga di kampung. Berikutan itu, mereka mencair jalan untuk mendapatkan wang dan satu antara caranya ialah membabitkan diri dengan jenayah.
- Ibu bapa ghairah bekerja hingga mengabaikan anak-anak. Hal ini menyebabkan kawalan disiplin, moral, etika, pendidikan, serta kasih sayang kepada mereka terjejas. Keadaan ini memudahkan remaja terbabit dipengaruhi.
- Krisis nilai apabila setiap individu ingin mengecap hidup mewah tanpa mengira apa-apa cara sekalipun.
- Perubahan sosial yang mendadak ada kalanya mendorong remaja mencuri bagi mendapat apa-apa yang dikehendaki.